

PENGENALAN

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) untuk mengawal selia juruaudit entiti kepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual untuk dan bagi pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). AOB juga menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berkaitan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal.

AOB kekal fokus terhadap mandatnya untuk memupuk pengauditan bebas yang berkualiti tinggi dalam pasaran modal. Walaupun AOB tetap meneruskan fungsi terasnya, iaitu pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan, serta penguatkuasaan, ia memberikan perhatian terhadap kerumitan yang dihadapi oleh industri audit. Pemacu seperti ketidakpastian ekonomi global dan gangguan teknologi sentiasa dipantau untuk memastikan fokus AOB kekal terkini dan relevan.

FUNGSI TERAS AOB



Pendaftaran

AOB bertanggungjawab bagi pendaftaran juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual. AOB juga mengiktiraf juruaudit asing yang mengaudit penyata kewangan perbadanan asing tersenarai di Bursa Malaysia.



Pemeriksaan

AOB menjalankan program pemeriksaan dan pemantauan ke atas juruaudit untuk menilai tahap pematuhan juruaudit terhadap piawaian pengauditan dan etika yang diguna pakai di Malaysia.



Penguatkuasaan

AOB memulakan prosiding penguatkuasaan dan mengenakan sekatan yang bersesuaian bagi sebarang ketakpatuhan terhadap piawaian pengauditan/etika, pengawalseliaan dan undang-undang sekuriti.

PROFIL FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU YANG BERDAFTAR DAN DIKTIRAF OLEH AOB PADA 31 DISEMBER 2021



345 juruaudit Individu berdaftar

12 juruaudit individu yang diiktiraf



41 firma audit berdaftar dan diiktiraf

Mengaudit **1,203** ^{PIE}
RM1,718
bilion permodalan pasaran
syarikat awam tersenarai (PLC)

Mengaudit **1,255**
kumpulan wang jadual
RM717
bilion nilai aset bersih (NAV)

Sorotan utama daripada fungsi teras AOB bagi 2021 diperjelaskan dalam bahagian seterusnya.